

**NO SOALAN : 24**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOK SENA)**

**TARIKH : 26.3.2015  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengubah atau meminda polisi dan peraturan lapuk dalam Angkatan Tentera seperti syarat tidak boleh memberi kenyataan terbuka tanpa kebenaran pihak atasan seperti yang berlaku pada Mejar Zaidi Ahmad.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sememangnya dari semasa ke semasa memperbaharui polisi-polisi serta peraturan-peraturan sedia ada yang tidak lagi sesuai atau relevan untuk digunakan. Untuk makluman, proses pengemaskinian terhadap polisi serta peraturan yang sedia ada telah pun dilaksanakan yang terakhir pada Jun 2013.**

**Keutamaan yang diberi pertimbangan semasa proses pengemaskinian polisi-polisi serta peraturan-peraturan adalah berhubung dengan isu-isu keselamatan. Walaupun polisi dan peraturan tersebut adalah lama tetapi jika ia memberi impak kepada isu keselamatan, maka polisi dan peraturan tersebut hendaklah dikekalkan. Dalam erti kata lain, bukan semua polisi dan peraturan yang lama adalah dianggap ‘lapuk’ dan mesti diubah atau dipindah sebaliknya jika ia mempunyai impak kepada keselamatan negara maka ianya dianggap masih relevan dan hendaklah dikekalkan.**

**Merujuk kes Mejar Zaidi Ahmad TUDM sepetimana yang dibangkitkan, pihak ATM berpendapat polisi yang dilanggar oleh beliau adalah masih relevan kerana ia dapat membendung perbuatan penyebaran maklumat oleh mana-mana pegawai atau pun anggota ATM secara sesuka hati. Perbuatan sedemikian tanpa dikawal selia dengan baik boleh menjaskan keselamatan negara.**